

25 JUL 2000

Video-Sauk

TAYANGAN RAKAMAN INSIDEN SAUK: KHALIL SERAH KEPADA MKN

KUALA LUMPUR, 25 Julai (Bernama) -- Menteri Penerangan Tan Sri Khalil Yaakob berkata soal sama ada rakaman video mengenai insiden Sauk wajar ditayangkan kepada orang ramai adalah terserah kepada Majlis Keselamatan Negara (MKN).

Katanya, rakaman video itu mungkin mengandungi gambar-gambar yang menggerikan termasuk mayat penjenayah serta mayat kedua-dua anggota pasukan keselamatan dan oleh itu hanya MKN yang boleh menentukannya.

Beliau berkata demikian ketika ditanya sama ada kerajaan bercadang menayangkan rakaman video mengenai insiden Sauk bagi meyakinkan rakyat tentang kebenaran peristiwa itu.

Para wartawan telah mencadangkan tayangan rakaman video itu bagi menyangkal tuduhan Pas kononnya insiden Sauk adalah sandiwara.

Insiden Sauk yang bermula dengan rompakan senjata api oleh anggota kumpulan Al-Ma'unah di dua kem tentera di Gerik pada 2 Julai lepas, berakhir 6 Julai lepas apabila 27 anggota kumpulan itu menyerah diri kepada pasukan keselamatan di Bukit Jenalek, Sauk.

Bagaimanapun, anggota polis cawangan khas Sarjan R. Sagadevan dan komando Mathew anak Medan, dua dari empat orang yang ditawan sebagai tebusan oleh para penjenayah itu, telah dibunuh dengan kejam oleh mereka.

Sebelum itu, Khalil merasmikan majlis taklimat kepada para pegawai jabatan dan agensi di bawah Kementerian Penerangan di Institut Tadbiran Awam Negara (Intan), Bukit Kiara di sini.

Beliau berkata, Kerajaan terpaksa menjelaskan kepada rakyat melalui media termasuk temubual Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi menangkis fitnah PAS kerana ia telah menjejaskan kredibiliti pasukan keselamatan.

"Kini para pegawai penerangan dari seluruh negara telah diminta untuk menjelaskan kepada orang tempatan hal-hal teknikal (berhubung insiden Sauk) yang dipertikaikan selama ini," katanya.

Taklimat hampir dua jam yang disertai oleh 500 orang pegawai dari seluruh negara dipengerusikan oleh Khalil sendiri.

-- BERNAMA

SLR AFY FAZ